



BULETIN JKSM

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
(JABATAN PERDANA MENTERI)

ISSN-1511-7839

Bilangan 40 (Disember 2007 Zulkaedah-Zulhijjah 1428H)



YANG AMAT ARIF DATUK HAJI IBRAHIM BIN LEMBUT
KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE JKSM YANG BARU

MULAI 1 DISEMBER 2007



PENAUNG / PENASIHAT

Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut
Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie
JKSM

KETUA PENGARANG

Tuan Mohamad bin Haji Abdullah

SIDANG PENGARANG

Tuan Mohd Amran bin Mat Zain
Tuan Khairul Nizam bin Zainon
Tuan Haji Nassir bin Hj. Abdul Aziz
Tuan Haji Mohammad Adib bin Husain
Tuan Adam bin Tumiran
Tuan Mohd Asri bin Tahir
Tuan Rosman bin Mat Sidek
Encik Azmee Hj. Hussin

PRODUKSI DAN EDARAN

Encik Mohamad Nor bin Abu Bakar
Cik Zurain binti Zulkarnain

JURUGAMBAR

Encik Anauar bin Hj. Idris
En Nor Mahadi bin Awaluddin

Buletin ini diterbitkan oleh
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2 & 3, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62677 PUTRAJAYA
Tel: 03-8886 4800 Fax : 03-8889 1627
Laman Web: www.esyariah.gov.my



dari
ketua
pengarang

Awalnya saya mengucapkan tahniah Y.A.A. Datuk Haji Ibrahim bin Lembut yang dilantik selaku Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM mulai 1 Disember, 2007 bagi menggantikan Y.Bhg. Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman yang kita semua kasih dan diucapkan setinggi penghargaan ke atas beliau yang telah berjaya mengemudi organisasi JKSM sebagai organisasi yang berjaya dan disegani sekarang ini.

Bagi pihak diri saya dan semua rakan-rakan di JKSM berikrar akan terus membantu Y.A.A. Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM dalam segala usaha merealisasikan hasrat murni kita mempertingkatkan kecekapan sistem pentadbiran institusi kehakiman syariah di negara ini. Kita akan terus komited dari masa ke semasa mempertingkatkan mutu layanan kepada pelanggan JKSM dan juga JKSN. Sikap prihatin kepada pelanggan dan sentiasa mencari jalan untuk memenuhi kehendak pelanggan merupakan elemen penting dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai. Dalam hal ini eloklah kita semua melihat kembali amalan-amalan kita masa kini dan berusaha untuk menambah baik amalan-amalan tersebut.

Sehubungan itu, saya minta semua pihak sama ada Pengarah-pengarah Cawangan JKSM dan juga pegawai-pegawai dari JKSN khususnya agensi-agensi di barisan hadapan supaya memberi perhatian kepada perkara ini dan mencari jalan memudahkan pelanggan semasa berurusan dengannya. Ini perlu bagi memastikan pelanggan merasa puas hati dengan layanan dan perkhidmatan yang kita berikan.

Mutu perkhidmatan di peringkat akar umbi kerana usaha ini kerajuan nemandang berat terhadap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi. Tanggapan umum sering mengaitkan sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi ini sebagai lambat, kurang cekap, tidak mesra pelanggan dan birokratik. Walaupun kita mungkin mempunyai seribu alasan untuk menafikannya, tetapi perkara ini telah menjadi tanggapan umum. Tanggapan sebegini perlu diperbetulkan agar imej perkhidmatan awam tidak terus tercemar dan tercalar.

Saya juga beryukur di atas kejayaan kita semua dalam perancangan dan pelaksanaan tahun 2007.



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan Nya, juga dapat saya menyampaikan perutusan di dalam Buletin JKSM selaku Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JSKM yang baru berkuatkuasa mulai 1 Disember, 2007 ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.Bhg. Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, mantan Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM yang pertama di atas jasa dan pengorbanan besar yang telah beliau sumbangkan sebelum ini sehingga berjaya menghasilkan berbagai kejayaan besar kepada organisasi JKSM dan tidak kurang juga melibatkan seluruh Jabatan Kehakiman Syariah di negeri-negeri dan Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah ke suatu tahap yang paling membanggakan. .

Di dalam kesempatan ini juga saya menyeru kepada seluruh warga kerja JKSM serta warga kerja di seluruh JKSN dan agensi-agensi yang mempunyai jawatan kader Pegawai Syariah dapat meneruskan segala usaha bersama-sama saya bagi mempertingkatkan prestasi organisasi institusi perundangan dan kehakiman syariah di negara ini . Sekalipun kita menghadapi perubahan pucuk pimpinan organsias, akan tetapi usaha –usaha peringkat dasar yang telah dlaksanakan setakat ini akan saya teruskan sehingga menemui kejayaan yang kita harapkan. Konsistensi tahap pencapaian setiap pelaksanaan program dan aktiviti sewajarnya kitakekalkan momentumnya supaya hasrat murni Kerajaan dapat kita realisasikan bersama sehingga mencapai kecemerlangan.

Saya berharap semua lapisan pengurusan dan anggota kakitangan menjadi lebih inovatif dalam tindakan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ciri-ciri kecemerlangan ini begitu nyata dalam proses-proses kerja yang begitu sistematik dan jelas, dan lazimnya telah diiktiraf sebagai mematuhi standard-standard yang ditetapkan. Apa yang lebih penting, kecemerlangan ini dapat diukur dari kaca mata pelanggan yang sebilangan besar menyatakan kepuasan hati mereka dengan perkhidmatan yang telah disampaikan. Saya percaya kita semua mampu melaksanakannya dengan baik dan cemerlang.

Saya turut berdoa semoga Y.Bhg. Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman dan seluruh ahli keluarganya dikurniakan kesejahteraan dan kerahmatan Allah S.W.T. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kepercayaan kepada diri saya untuk mengetuai dan mengemudi organisasi JKSM walaupun disebaliknya menyedari tanggungjawabnya sukup tinggi memikul amanah ini. Saya mohon kerjasama semua pihak dan berdoa semoga senantiasa diberikan petunjuk dan jalan yang benar demi kepentingan umat Islam keseluruhannya.

Semoga Allah s.w.t. memberkati usaha kita semua. Amin.

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SYARIAH ASAS KEADILAN"**

(DATUK HAJI IBRAHIM BIN LEMBUT)

DATUK HJ. IBRAHIM BIN LEMBUT
KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE BARU JKSM





DATUK HJ. IBRAHIM BIN LEMBUT

KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE BARU JKSM

3 Disember 2007 – Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Datuk Hj. Ibrahim B. Hj. Lembut dilantik sebagai Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM yang baru berkuat kuasa 1 Disember 2007. Perlantikan Yang Amat Arif Datuk Hj. Ibrahim dibuat berikutan tamatnya perkhidmatan Datuk Sheikh Ghazali B. Hj. Abdul Rahman pada 30 November 2007.

Datuk Hj. Ibrahim, anak kelahiran negeri Kedah mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang Kehakiman Syariah di negara ini. Beliau memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Tadbir Hal Ehwal Agama di Melaka pada 1983. Antara jawatan penting yang disandang oleh Datuk Hj. Ibrahim sepanjang perkhidmatannya ialah Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka sebelum dilantik menjadi Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di JKSM pada 2002. Yang Amat Arif Datuk Hj. Ibrahim adalah lulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang Islam Universiti Al-Azhar Mesir selain Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Warga kerja JKSM mengucapkan tahniah dan syabas di atas perlantikan Yang Amat Arif Datuk Hj. Ibrahim B. Hj. Lembut sebagai Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM yang baru.

*WARGA KERJA JKSM MENGUAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS DI ATAS
PERLANTIKAN YANG AMAT ARIF DATUK HJ. IBRAHIM B. HJ. LEMBUT
SEBAGAI KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE JKSM YANG BARU.*

BENGKEL PENILAIAN KOMPREHENSIF – PROJEK PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, JKSM

5 Disember 2007, Kuala Lumpur - Cawangan Teknologi Maklumat (CTM) JKSM telah mengadakan satu siri bengkel iaitu Bengkel Penilaian Komprehensif bertempat di Seri Cempaka Services Suites, Cheras yang merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dijalankan dalam pembangunan projek Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JKSM.

Bengkel selama tiga (3) hari bermula dari 3 Disember 2007 dan berakhir pada 5 Disember 2007 adalah dijalankan dengan kerjasama antara CTM, JKSM dan juga pihak perunding yang dilantik bagi projek Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JKSM iaitu Syarikat Zetta Consultants Sdn. Bhd. Bengkel telah dihadiri oleh kesemua kakitangan dari CTM, JKSM serta Ketua-ketua Pendaftar, Penolong Pendaftar dan Pegawai Sulh yang mewakili Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan Mahkamah Syariah (MS) seluruh negara.

Tujuan pelaksanaan Bengkel Penilaian Komprehensif ini adalah:

- * Untuk mengumpul maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan utama dan teras Jabatan serta maklumat yang berkaitan dengannya.
- * Untuk mendapatkan pemahaman faktor-faktor dan isu-isu yang memberi kesan ke atas mutu prestasi perkhidmatan dan sekaligus dapat membangunkan pelan strategi yang dapat menangani isu tersebut. Semasa bengkel diadakan, peserta telah menjalankan tiga (3) aktiviti penting iaitu Strategic Assessment, Global Analysis dan Product & Services Analysis.

Hasil yang dijangka dari pelaksanaan bengkel ini adalah seperti berikut:

- * Dapat menentukan tahap kesedaran penggunaan dan pengurusan IT dalam organisasi.
- * Dapat mengenal pasti kemudahan IT yang disediakan adalah efektif dalam menyokong keperluan perkhidmatan.
- * Dapat mengenalpasti tahap komitmen pihak pengurusan atasan dalam pelaburan bagi penyediaan infrastruktur dan kemudahan IT.
- * Dapat menentukan sama ada infrastruktur IT memenuhi objektif Jabatan dan sama ada ia efektif dari segi kos.
- * Dapat mengenalpasti pelaburan yang telah dibuat untuk infrastruktur IT JKSM/JKSN.
- * Menentukan tahap operasi dan penggunaan IT dalam JKSM/JKSN.
- * Menentukan persepsi keseluruhan kakitangan JKSM/JKSN untuk infrastuktur IT yang telah sedia ada dan yang akan datang.
- * Menentukan infrastruktur IT utama dan sokongan dalam JKSM/JKSN.
- * Menyediakan informasi tambahan untuk Definisi Konteks Perkhidmatan JKSM/JKSN.
- * Menyediakan informasi isu-isu utama dan peluang-peluang yang ada bagi JKSM dalam membangunkan ISP yang mantap.

3 -7 DISEMBER 2007/ 23-27 ZULKAEDAH1428H
SERI CEMPAKA SERVICES SUITES , CHERAS



Objektif pelaksanaan ketiga-tiga aktiviti adalah seperti berikut:

STRATEGIC ASSESSMENT :

- * Untuk melaksanakan tahap penggunaan IT dalam JKSM/JKSN.
- * Untuk menentukan tahap kesesuaian aplikasi Sistem Maklumat di JKSM/JKSN.
- * Untuk menentukan sama ada aplikasi Sistem Maklumat yang telah sedia ada adalah selari untuk menyokong matlamat JKSM/JKSN.

GLOBAL ANALYSIS:

- * Untuk menganalisa perkhidmatan utama yang disediakan, cara penyampaian, pelanggan dan pembekal, proses-proses utama, penilaian prestasi untuk setiap Jabatan/Bahagian/Cawangan/Unit.
- * Untuk menganalisa faktor organisasi, teknologi dan produk yang memberi impak ke atas prestasi organisasi dan perkhidmatan yang disediakan.

PRODUCT & SERVICES ANALYSIS:

- * Mengkaji struktur organisasi dari segi fungsi, perkhidmatan yang diberi dan diterima, indeks prestasi yang digunakan, dan tahap sokongan ICT.
- * Mendapatkan tahap keberkesanan pengurusan hubungan pelanggan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.



Hasil yang dijangka dari pelaksanaan bengkel ini adalah seperti berikut:

- * Dapat menentukan tahap kesedaran penggunaan dan pengurusan IT dalam organisasi.
- * Dapat mengenal pasti kemudahan IT yang disediakan adalah efektif dalam menyokong keperluan perkhidmatan.
- * Dapat mengenalpasti tahap komitmen pihak pengurusan atasan dalam pelaburan bagi penyediaan infrastruktur dan kemudahan IT.
- * Dapat menentukan sama ada infrastruktur IT memenuhi objektif Jabatan dan sama ada ia efektif dari segi kos.
- * Dapat mengenalpasti pelaburan yang telah dibuat untuk infrastruktur IT JKSM/JKSN.
- * Menentukan tahap operasi dan penggunaan IT dalam JKSM/JKSN.
- * Menentukan persepsi keseluruhan kakitangan JKSM/JKSN untuk infrastuktur IT yang telah sedia ada dan yang akan datang.
- * Menentukan infrastruktur IT utama dan sokongan dalam JKSM/JKSN.
- * Menyediakan informasi tambahan untuk Definisi Konteks Perkhidmatan JKSM/JKSN.
- * Menyediakan informasi isu-isu utama dan peluang-peluang yang ada bagi JKSM dalam membangunkan ISP yang mantap.

**BENGKEL
KAMUS DATA ISLAM
(DDSA)
SIRI 3/2007**



5-7 DISEMBER 2007/ 25 ZULKAEDAH- 27 ZULKAEDAH1428H
SERI CEMPAKA SERVICES SUITES , CHERAS

PAMERAN JKSM DAPAT SAMBUTAN DI HULU LANGAT




Hulu Langat, Selangor - Sekurang-kurangnya 400 orang pengunjung telah mengunjungi gerai pameran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) semasa Program Perkampungan Hadhari Peringkat Parlimen Hulu Langat yang berlangsung di Perkarangan Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat pada 8 – 9 Disember yang lalu. Program telah berlangsung seawal jam 9.00 pagi dan tamat jam 12.00 malam. Perkampungan Hadhari anjuran Pejabat Parlimen Hulu Langat yang berlangsung selama dua hari dua malam itu berkonsepkan karnival dan bersifat mesra pengunjung. Selain pameran oleh jabatan dan agensi kerajaan, aktiviti yang dijalankan adalah bersifat keilmuan, bersukan dan riadah, hiburan dan kekeluargaan. Malah rakaman program Forum Perdana Islam turut diselitkan sebagai salah satu pengisian program dengan penglibatan ahli panel terkenal seperti Dato' Dr Mashitah Binti Ibrahim dan Dr. Fadzillah Kamsah.

Selaras dengan prinsip dan konsep Islam Hadhari, JKSM telah mempamerkan perkhidmatan E-Syariah dan Majlis Sulh khusus untuk pengetahuan pengunjung yang rata-rata menunjukkan minat dan kesungguhan mendalam i ilmu perundangan syariah. Pengunjung yang mengunjungi gerai pameran JKSM turut berpeluang melihat dan melayari Portal E-Syariah secara langsung dengan bantuan dan penerangan oleh pegawai-pegawai ICT yang bertugas.

JKSM telah menerima ramai kunjungan masyarakat setempat khususnya pelajar-pelajar kolej dan universiti (Kolej Universiti Islam Selangor-KUIS) yang berminat mengetahui mengenai prospek perkhidmatan pegawai syariah. Tidak kurang juga persoalan-persoalan mengenai syariah dan jabatan yang telah dijawab oleh pegawai-pegawai syariah yang turut bertugas dalam menjayakan pameran ini. Antaranya mengenai tuntutan nafkah, harta sepencarian, prosedur kes-kes dan lain-lain lagi. Setiap pengunjung diberi 'goodies bag' yang mengandungi risalah-risalah maklumat mengenai JKSM dan prosedur perundangan selain pen dan buku nota sebagai cenderahati. Selain JKSM, pameran prinsip Islam Hadhari ini turut disertai oleh JAKIM, KPPDN dan HEP, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Institut Integriti Malaysia, Jabatan Penjara, AADK, KUIS, Jabatan Pembangunan Wanita dan gerai-gerai pameran jualan barang oleh pihak korporat dan swasta.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.B Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohd Khir Toyo manakala penutup majlis oleh Y.B Ahli Parlimen Hulu Langat, Dato' Hj Markiman b Kobiran.

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)



MESYUARAT JURNAL HUKUM JILID 25 BAH.1



13 DISEMBER 2007/ 3 ZULKAEDAH 1428H
BILIK MESYUARAT KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE JKSM


KURSUS PENYEDIAAN DOKUMEN PERSARAAN



**KURSUS PENYEDIAAN DOKUMEN PERSARAAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
3HB - GHB DISEMBER 2007**



3 -6 DISEMBER 2007 / 23-26 ZULKAEDAH1428H
HOTEL REGENCY TANJUNG TUAN PORT DICKSON
26 ORANG PESERTA
PENCERAMAH: ENCIK RAMLI BIN MUSA




KURSUS DIGITAL FOTOGRAFI

En. Anauar bin Haji Idris dan En. Nor Mahadi bin Awaluddin telah menjalani Kursus Fotografi Digital di Redzuan Foto Master (RFM) di Kompleks Pertama Kuala Lumpur pada 25-30 Oktober 2007 dan 13-19 Disember 2007.



>>AMMAR HAFIZ BIN AHMAD FAKHRURROZI
>>HOSPITAL LIKAS, SABAH
>>BAPA: AHMAD FAKHRURROZI BIN IBRAHIM
>>IBU:ANIZA BINTI MOHD DAKIR



>>NURUL QURRATU AUNI BINTI MOHD TAUFIQ
>>02/12/2007
>>HOSPITAL PUTRAJAYA
>>BAPA: MOHD TAUFIQ BIN MOHD ZAIN
>>IBU: NURJANATUN NAIN BINTI ADENAN

CAHAYAMATA WARGA JKSM